

Dua juta pelekat hargai Dr M

BH 01/11/2003 - 9 PRECISE

Oleh Zuraidah Mohamed

KUALA LUMPUR: Sebanyak dua juta pelekat kenderaan yang merakamkan penghargaan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad diedarkan kepada pengguna jalan raya di seluruh negara, mulai semalam.

Pelekat yang dilancarkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu boleh didapati secara percuma di plaza tol, kaunter pejabat kerajaan, stesen minyak, stesen bas dan teksi, pejabat pos serta di lebih 1,200 kawasan rukun tetangga (RT).

Menterinya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata usaha itu sebagai tanda penghargaan dan terima kasih rakyat kepada Dr Mahathir yang mengunduri diri sebagai Perdana Menteri semalam selepas memimpin negara selama 22 tahun.

Katanya, ia juga memberi peluang kepada lapisan masyarakat untuk mengenang segala jasa dan sumbangan Dr Mahathir dengan cara yang lebih mudah dan berkesan.

"Program ini bertujuan mewujudkan semangat muhibah di kalangan masyarakat. Ucapan terima kasih diungkapkan dalam empat bahasa utama iaitu bahasa kebangsaan, bahasa Cina, India dan anta-

rabangsa menerusi pelekat berkeajaan.

"Warna biru pada pelekat menunjukkan warna teras parti pemerintah Barisan Nasional (BN) dan Menara Berkembar Petronas pula melambangkan secara simbolik kejayaan negara di bawah pimpinan Dr Mahathir," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Pelancaran Pelekat Kenderaan penghargaan kepada Dr Mahathir di sini, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Tiki Lafe dan Setiausaha Parlimen kementerian, Datuk S Veerasingham.

Siti Zaharah berkata, kepemimpinan Dr Mahathir yang berwawasan bukan saja meletakkan Malaysia di peta dunia malah menjadikan negara berdaya saing semua bidang.

Justeru, katanya, program berkeajaan yang turut mendapat kerjasama sektor swasta dirancang bagi memberi peluang kepada rakyat untuk melahirkan tanda penghargaan mereka.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai isu perpaduan yang ditandakan Dr Mahathir dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) kelmarin, Siti Zaharah berkata, kementerian bertanggungjawab memastikan semangat perpaduan dapat terus di-



SEBAHAGIAN 100 kanak-kanak dari Children Of Unity Kindergarden Wilayah Persekutuan menunjukkan pelekat kenderaan sebagai penghargaan kepada Dr Mahathir, semalam. - Gambar oleh Nik Hariff Hassan

amalkan.

Beliau berkata, konsep membudayakan semangat perpaduan di kalangan masyarakat bukan saja dengan kunjung mengunjung pada musim perayaan malah dari aspek interaksi, bekerja dan belajar.

Beliau juga yakin semangat perpaduan akan dapat dikekalkan dan terus mendapat sokongan di bawah kepemimpinan, Perdana Menteri baru.

Katanya, Abdullah sentiasa menyatakan perpaduan adalah satu ele-

men yang tidak boleh dipisahkan dan sentiasa dekat di hatinya.

"Perpaduan sentiasa dekat di hati Pak Lah, malah beliau sentiasa menekankan pentingnya perpaduan dan ciri-cirinya diterapkan pada peringkat sekolah," katanya.